

**SOALAN LAZIM PEPERIKSAAN SECARA *ONLINE* (DALAM TALIAN), JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)
BAGI PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN AWAM (PPA)**

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah calon perlu hadir ke pusat peperiksaan untuk peperiksaan <i>online</i> , JPA?	TIDAK PERLU. Tiada pusat peperiksaan disediakan bagi urusan peperiksaan <i>online</i> Siri 1 Tahun 2021 ini. Calon boleh mendudukinya di mana-mana lokasi yang mempunyai komputer, komputer riba, telefon bimbit, atau tablet dan kemudahan capaian internet yang stabil.
2.	Di manakah saya boleh mendapatkan panduan peperiksaan <i>online</i> , JPA?	Calon boleh mendapatkan panduan peperiksaan melalui pautan yang dipaparkan pada Slip Arahan Calon (SAC).
3.	Bolehkah saya menjawab peperiksaan <i>online</i> pada bila-bila masa sahaja mengikut masa saya sendiri?	TIDAK BOLEH. Calon dikehendaki untuk menjawab peperiksaan <i>online</i> mengikut masa yang telah ditetapkan seperti yang tertera pada Slip Arahan Calon (SAC).
4.	Bolehkah saya menjawab peperiksaan <i>online</i> tanpa menggunakan Akaun Google?	TIDAK BOLEH. Calon diwajibkan mendaftar dan log masuk ke Akaun <i>Google</i> untuk menduduki Peperiksaan <i>Online</i> , JPA.
5.	Sekiranya saya tidak mempunyai komputer riba, bolehkah saya menjawab peperiksaan <i>online</i> , JPA tersebut?	Peperiksaan <i>online</i> , JPA ini boleh dicapai dengan menggunakan pelbagai peranti seperti komputer, komputer riba, telefon bimbit, atau tablet yang mempunyai capaian internet yang stabil. Namun, calon DIGALAKKAN menggunakan komputer atau komputer riba.
6.	Berapakah tempoh masa yang diperuntukkan untuk menjawab Peperiksaan <i>Online</i> , JPA?	Tempoh masa menjawab adalah berdasarkan kepada masa yang telah ditetapkan di Slip Arahan Calon (SAC).
7.	Adakah saya boleh mengambil jawapan melalui sumber yang disediakan di internet tanpa merujuk kepada sukatan peperiksaan?	Calon-calon hanya DIBENARKAN merujuk kepada bahan rujukan seperti yang telah dinyatakan di dalam sukatan peperiksaan sahaja. Sebarang rujukan lain seperti buku-buku panduan, slaid dan nota-nota ringkas adalah TIDAK DIBENARKAN . Sebarang aktiviti plagiat (<i>Copy&Paste</i>) dari sumber Internet (Contohnya: <i>Wikipedia</i> , <i>Google Search</i> , <i>Blog</i> dan lain-lain) adalah TIDAK DIBENARKAN .

BIL	SOALAN	JAWAPAN
8.	Sekiranya saya tidak sempat menghantar jawapan sebelum tamat tempoh masa, adakah jawapan saya akan direkodkan?	TIDAK. Calon bertanggungjawab sepenuhnya untuk menghantar jawapan SEBELUM masa peperiksaan tamat bagi memastikan jawapan direkodkan. Kegagalan calon untuk berbuat demikian akan menyebabkan jawapan yang diberikan tidak direkodkan dan calon akan menerima keputusan TIDAK HADIR dalam paparan keputusan.
9.	Bolehkah saya membuat rayuan tambahan masa sekiranya tempoh masa menjawab telah tamat?	TIDAK BOLEH.
10.	Bolehkah saya membuat pindaan atau menukar jawapan saya setelah menekan butang hantar?	TIDAK BOLEH. Peperiksaan <i>online</i> ini dihadkan kepada satu (1) kali penghantaran jawapan sahaja. Calon tidak dibenarkan untuk meminda atau menukar jawapan selepas menekan butang hantar. Adalah menjadi tanggungjawab calon untuk menyemak terlebih dahulu semua jawapan sebelum menekan butang hantar.
11.	Adakah saya boleh menghantar jawapan saya melalui emel kepada pihak urus setia sekiranya saya tidak sempat menekan butang hantar sebelum tamat tempoh masa yang ditetapkan?	TIDAK BOLEH. Sebarang penghantaran jawapan selain menggunakan Platform <i>Google Forms</i> tidak akan dilayan.
12.	Bolehkah saya menduduki peperiksaan <i>online</i> , JPA bersama-sama kawan saya?	TIDAK BOLEH. Peperiksaan ini adalah tanggungjawab INDIVIDU dan calon TIDAK DIBENARKAN untuk berbincang, meniru atau melantik mana-mana individu yang lain untuk menjawab bagi pihak calon. Calon-calun yang melanggar peraturan boleh dikenakan tindakan berikut: <ul style="list-style-type: none"> i. Disingkirkan daripada menduduki peperiksaan; ii. Dianggap gagal dalam peperiksaan; dan iii. Diambil tindakan tatatertib berdasarkan peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
13.	Bolehkah saya berkongsi link peperiksaan <i>online</i> , JPA kepada rakan sepejabat saya yang tidak mendaftar untuk menduduki peperiksaan JPA?	TIDAK BOLEH. Peperiksaan <i>online</i> ini hanya dibuka kepada pegawai yang telah mendaftar bagi Peperiksaan tersebut sahaja.